



IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI PERGIGIAN GRED UG41,UG44,UG48,UG52,UG54

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pegawai Pergigian
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan (U)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (f) Gred : UG41,UG44,UG48,UG52,UG54
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
UG54	6,182.00	13,256.00	320.00
UG52	5,860.00	12,449.00	290.00
UG48	5,211.00	11,769.00	270.00
UG44	3,611.00	10,560.00	250.00
UG41	2,844.00	9,656.00	225.00

Imbuhan Tetap :

Gred Gaji	Keraian	Khidmat Awam	Perumahan	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
UG54	800.00	-	900.00	750.00
UG52	600.00	-	700.00	750.00
UG48	550.00	-	700.00	750.00
UG44	400.00	-	400.00	750.00
UG41	-	300.00	300.00	750.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED UG41 :

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

Gaji Permulaan : Gred UG41: RM2,844.00

DAN

d) Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke gred yang lebih tinggi jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perkara 3.1(a), 3.1(b), 3.1(c) dan 3(d) dan

(b) memenuhi syarat seperti berikut :

Gred	Gaji	Pengalaman berkaitan	
		Pakar	Bukan Pakar
UG44	RM3,611.00	2 tahun	2 tahun
UG48	RM5,211.00	5 tahun	5 tahun
UG52	RM5,860.00	7 tahun	9 tahun
UG54	RM6,182.00	9 tahun	12 tahun

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat melalui rawatan dan aktiviti pencegahan kesihatan pergigian

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

PENDAFTAR